

# **Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak**

ZAINI NASOHAH<sup>1</sup>

## **Abstrak**

*Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa di dalam menentukan kadar nafkah bagi orang Islam. Meskipun ketetapan kadar nafkah bersifat fleksibel namun ia masih berasaskan panduan yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam. Rasa tidak puas hati sama ada di pihak plaintiff mahupun defendant mengenai kadar yang ditetapkan oleh mahkamah lazimnya timbul jika pihak-pihak tidak mengetahui atau tidak memahami bagaimana sesuatu penghakiman mengenai kadar nafkah itu ditetapkan. Ketetapan dan perintah nafkah yang dibuat oleh Hakim Syarie mengambil kira kemampuan bapa dan keperluan anak-anak. Artikel ini bertujuan menganalisa keputusan Mahkamah Syariah dalam menentukan kadar dan bentuk nafkah anak. Analisa dibuat ke atas penghakiman bagi kes-kes yang telah dilaporkan. Hasil analisa mendapati, penetapan kadar nafkah di dalam kes-kes yang telah diputuskan telah mengalami perubahan dari segi bentuk-bentuk nafkah yang diberi pertimbangan oleh Mahkamah Syariah. Manakala asas pertimbangan utama di dalam menentukan kadar nafkah anak pula masih konsisten iaitu dengan melihat kemampuan bapa dan keperluan anak-anak. Kaedah penentuan ini menyebabkan seringkali jumlah yang diluluskan oleh mahkamah jauh berbeza dengan jumlah yang dituntut oleh plaintiff.*

**Kata kunci :** nafkah anak; kadar nafkah; penentuan nafkah; Mahkamah Syariah; keputusan mahkamah

## **Abstract**

*The Shariah Court has jurisdiction in determining the rate of maintenance for Muslims. Although the determination of maintenance is flexible, it is still based on the guidelines set by Islamic jurisprudence and Islamic family law. Dissatisfaction, whether from the plaintiff or the defendant party towards the rate set by the court usually arises if the parties do not know or do not understand how a judgment on the rate of nafkah is determined. The determination and orders for maintenance made by the Shariah Judge take into account the ability of the father and the needs of the children. This article aims to analyse the decisions of the Shariah Court in determining the rate and form of children's maintenance. An analysis was made on the judgment of the cases that had been reported. The results of the analysis found that the determination of maintenance rate in cases that had been decided had changed in terms of the maintenance form considered by the Shariah Court. While the main consideration in determining children's maintenance rate is still consistent which is by looking at the father's ability and the children's needs. This determination method often causes the amount approved by the court is significantly different from the amount claimed by the plaintiff.*

**Keywords :** child maintenance, maintenance rate, determination of maintenance, Shariah Court, court's decision

---

<sup>1</sup> Assoc. Prof. (Ph.D), Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: zbn@ukm.edu.my

## Pendahuluan

Pentaksiran dan penilaian mengenai kadar nafkah dilihat telah berubah dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman. Kadar dan jenis nafkah yang diputuskan pada masa dahulu sama sekali berbeza dengan yang diputuskan oleh mahkamah pada masa kini. Bukan hanya kadarnya yang berbeza, tetapi pendekatan serta aspek penilaian juga berbeza. Faktor-faktor seperti kos hidup yang semakin tinggi dan jenis keperluan zaman moden yang berubah telah menjadi sebahagian asas penilaian. Sekiranya perkara-perkara tersebut tidak diambil kira, dikhuatiri akan memudaratkan anak-anak yang memerlukan nafkah tersebut. Perkembangan fizikal dan mental mereka boleh terjejas. Pada masa yang sama, Mahkamah Syariah masih mengambil kira kemampuan bapa. Jika kadar ditetapkan terlalu tinggi sedangkan bapa tidak berkemampuan, dikhuatiri bapa akan mengalami kesusahan untuk meneruskan kehidupan.

## Metodologi

Artikel ini adalah hasil kajian kualitatif menerusi analisis kandungan dan analisis kes. Data-data diperolehi daripada perbahasan fuqaha dalam buku-buku fiqh utama. Manakala data-data kes diperolehi daripada kes-kes tuntutan nafkah anak yang dilaporkan dalam jurnal. Data-data di analisis secara diskriptif dan komparatif dengan penumpuan diberikan kepada pendekatan hakim dalam menentukan kadar nafkah. Analisis juga menjurus kepada bentuk-bentuk nafkah yang diluluskan mahkamah.

## Dapatan dan Perbincangan

### Kadar dan Bentuk Nafkah Anak Menurut Hukum Syarak

Para ulama fiqh sepakat menyatakan bahawa anak wajib diberikan nafkahnya dalam kadar yang mencukupi berdasarkan keperluan, adat kebiasaan tempat ia tinggal serta kemampuan orang yang menanggung nafkah. Keperluan-keperluan yang wajib dipenuhi didahului dengan keperluan asas utama dan diiringi dengan beberapa keperluan lain yang lazim bagi seorang anak. Nafkah-nafkah tersebut diberikan dengan mengambil kira usia anak berkenaan.

Menurut ulama mazhab Syafi'i, dalam memenuhi maksud 'mencukupi' seperti yang ditegaskan oleh hukum syarak, penentuan kadar nafkah hendaklah melihat kepada keadaan penerima nafkah tersebut dari segi umur, kegemaran dan kehidupannya (al-Syarbiniy 1997, 3:559). Dapat difahami di sini bahawa, jika kanak-kanak itu masih terlalu kecil, maka hendaklah disediakan nafkah sesuai dengan keadaan dan sifatnya. Manakala kanak-kanak yang besar sedikit pula perlu disediakan nafkah yang sesuai dengan usia serta kesukaannya. Begitu juga kanak-kanak yang kurang sempurna seperti cacat atau kurang upaya, maka wajib disediakan kelengkapan yang sewajarnya.

Di samping itu, di sebabkan sifat kanak-kanak yang lazimnya suka bermain, pemberian alat permainan dan yang seumpama dengannya juga perlu dimasukkan sebagai alat-alat pelengkap kepada tempat kediamannya. Ia sebagai salah satu pemangkin bagi menjadikan tempat kediaman tersebut selesa bagi kanak-kanak itu.

Namun menurut ulama mazhab Maliki, kemampuan serta keupayaan penanggung nafkah hendaklah diambil kira di samping melihat kepada kebiasaan sesuatu tempat atau negara itu. Ini kerana pemberi nafkah yang akan menanggungnya, sedangkan kanak-kanak itu hanya menerima. Tambahan pula, dengan mengabaikan keupayaan sebenar penanggung nafkah adalah bertentangan dengan panduan yang Allah s.w.t berikan melalui firmanNya menegaskan bahawa seseorang itu tidak sekali-kali diberatkan dengan sesuatu yang tidak mampu dipikulnya (Abd al-Karim Zaydan 1997, 10:233).

Jika diamati pendapat ulama mazhab Maliki ini, ia bertepatan dengan realiti kehidupan seseorang. Misalnya, adalah tidak wajar seorang bapa diminta menanggung nafkah anak dengan jumlah yang jelas tidak mampu disediakkannya. Jika dipaksa juga, ia merupakan satu kezaliman bahkan ia juga boleh membawa kemudaratkan kepada bapa tersebut. Justeru yang paling baik

dan sesuai ialah dengan mengambil jalan pertengahan iaitu dengan menimbangkan kedudukan kedua-dua pihak, penanggung dan penerima nafkah tersebut. Sebagaimana orang dewasa, keperluan asas utama kanak-kanak adalah terdiri daripada makanan dan pelengkapnya, minuman, pakaian, tempat tinggal yang selamat. Para ulama fiqh sependapat dalam perkara ini. Orang yang menanggung nafkah anak wajib menyediakan keperluan-keperluan tersebut secara mencukupi.

Bagi anak pada usia bayi pula, tentunya memerlukan perhatian yang khusus. Justeru, nafkah yang disediakan juga hendaklah sesuai dengan keperluannya yang khusus. Oleh kerana itu nafkah perlu disediakan berdasarkan tumbesarananya seperti aspek penyusuan (jika sedang menyusu), penjagaan (hadanah), pakaian yang sesuai dan lain-lain lagi (al-Ramliy 1993, 7: 221; Ibn 'Abidin, 5:347; Ibn Qudamah, 7:410; al-Bahutiy, 5:485; Muhammad Mustafa Syalabiy 1977:835).

Menurut ulama Syafici, perbelanjaan perubatan termasuk di dalam jenis-jenis nafkah untuk anak. Ia merangkumi harga ubat-ubatan dan upah kepada doktor yang merawat (al-Syarbiniy 1997, 3:560). Walau bagaimanapun bagi ulama Hanafi, sebarang perbelanjaan perubatan tidak termasuk di dalam jenis nafkah (Ibn 'Abidin, 5:300).

Jika dinilai dari segi kepentingan lebih-lebih lagi pada waktu kini dengan munculnya pelbagai jenis penyakit, tidak boleh dinafikan bahawa perbelanjaan perubatan adalah termasuk dalam nafkah yang wajib ditanggung. Ini kerana bagi seseorang yang sakit, ubat dan rawatan perubatan adalah keperluan untuk hidup. Keperluan terhadapnya adalah seumpama keperluan kepada makanan harian. Jika makanan itu sendiri menjadi nafkah yang wajib maka begitu jugalah ubat-ubatan. Malah bagi orang yang sakit, ubat adalah lebih penting daripada makanan yang enak-enak. Namun oleh kerana sakit itu lazimnya bukan suatu yang bersifat kekal atau sentiasa sakit, maka nafkah untuk kos perubatan bukanlah suatu yang tetap. Ia boleh berubah mengikut keperluan. Unsur keperluan inilah yang perlu dilihat oleh mahkamah secara teliti.

Menurut ulama mazhab Syafici, penyediaan pembantu atau orang gaji untuk anak wajib disediakan jika ianya diperlukan (al-Syarbiniy 1997, 3:560). Misalnya anak itu menghidap penyakit, cacat atau seumpamanya sehingga memerlukan penjagaan yang khusus, membantunya bergerak atau melakukan aktiviti hariannya dan lain-lain lagi, maka khidmat pembantu rumah wajar dipertimbangkan.

Bagi pendidikan anak pula, umumnya topik kewajipan memberi dan menanggung keperluan pendidikan kepada anak-anak ini tidak dibincangkan secara khusus di dalam kitab-kitab fiqh terawal. Walau bagaimanapun keperluan kepadanya tetap boleh difahami secara tersirat daripada kenyataan bahawa bapa wajib menanggung nafkah anak yang masih menuntut ilmu walaupun anak itu telah dewasa dan mampu bekerja.

Justeru, apakah lagi untuk menyediakan keperluan pendidikan kepada anak yang masih kecil di mana semuanya bergantung kepada penjaganya. Perbahasan tentang keperluan membiaya nafkah berkaitan pendidikan anak ini terdapat di dalam kitab-kitab moden seperti *Fiqh al-Manhaji* (Mustafa al-Khin et. al 1996:164), *Huquq al-Awlad fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun* (Badran Abu al-'Ainayn Badran 1981:291), *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* ('Abdullah Nasih 'Ulwan 1999:117-136), *Ahkam al-Usrah fi al-Islam* (Muhammad Mustafa Syalabiy 1977:834) dan lain-lain lagi.

Apakah mengahwinkan anak termasuk dalam nafkah? Menurut pendapat ulama mazhab Shafi'iy yang turut disepakati ulama mazhab Maliki dan Hanafi, bapa tidak diwajibkan untuk mengahwinkan anaknya. Maksud mengahwinkan anak tersebut termasuklah sama ada melalui penyediaan mahar ataupun mencarikan untuk anaknya itu calon isteri (al-Syarbiniy 1997, 3:279). Sebaliknya bagi ulama mazhab Hanbali, bapa wajib mengahwinkan anaknya sekiranya anak itu hendak berkahwin (al-Syarbiniy 1997, 3:279; Ibn Qudamah, 7:393; Ibn 'Abidin, 5:344; al-Dasuqiy , 2:523).

Peruntukan undang-undang keluarga di Malaysia turut memperuntukkan panduan kepada Hakim Syarie dalam menentukan kadar nafkah kepada anak-anak. Pentaksiran kadar nafkah mestilah berdasarkan kepada dua perkara utama iaitu kemampuan dan keperluan. Seksyen 61 Akta Undang-undang Keluarga dalam mentaksirkan kadar nafkah menyatakan :

Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Manakala dalam mentaksirkan nafkah anak, seksyen 72 (1) akta yang sama lebih memperincikan mengenai keperluan nafkah anak, iaitu :

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Jika dilihat kepada peruntukan ini, tidak ada bezanya dengan apa yang telah ditetapkan oleh

Hukum Syarak dalam memberi garis panduan bagaimana menentukan kadar nafkah isteri dan anak-anak. Secara ringkasnya, garis panduan tersebut merangkumi aspek keperluan anak-anak dan kemampuan bapa atau suami.

Bagi nafkah anak-anak pula, diperjelaskan lagi maksud keperluan iaitu merangkumi tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran. Walau bagaimanapun keperluan anak-anak telah berubah mengikut peredaran zaman dengan pelbagai tafsiran yang dilihat amat bersesuaian dan munasabah. Istilah munasabah ini diguna pakai di dalam undang-undang sebagai suatu kelonggaran kepada Mahkamah untuk melihat keperluan yang asasi dan bukannya kehendak atau keinginan terhadap suatu keperluan yang mendesak.

### **Bentuk Nafkah yang diluluskan mahkamah**

Analisis kes-kes mahkamah yang telah diputuskan mendapati bentuk nafkah yang diberi perhatian oleh mahkamah juga telah berubah mengikut peredaran zaman. Ini dapat dilihat kepada beberapa penghakiman yang telah diputuskan dari dahulu sehingga kini. Nafkah yang dituntut boleh dibahagikan kepada kategori nafkah utama dan nafkah-nafkah sampingan sebagai tambahan untuk keselesaan hidup anak berkenaan.

#### **a) Makanan**

Keperluan utama yang menjadi pertimbangan hakim dalam menentukan bentuk nafkah adalah nafkah makanan. Hal ini disebabkan makanan merupakan sumber utama untuk hidup bagi seseorang anak. Di dalam kes *Rokiah lwn Abdul Aziz* [ 1988 ] 4 ( 1 ) JH 156-164, Kadi Tumpat telah menyatakan "Hukum Syarak telah memperuntukkan bahawa wajib ke atas seseorang itu memberi nafkah makan pakai dan tempat tinggal kepada orang di bawah tanggunggannya terutama terhadap isteri dan anak-anaknya. Begitu juga di dalam kes *Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda* [ 1999 ] 13 (2) JH 159-184, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah merujuk satu petikan daripada kitab *al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuhu* yang bermaksud:

"Fuqaha telah sepakat bahawa kadarnya ialah menurut yang munasabah kepada kanak-kanak tersebut dan mencukupi menurut adat kebiasaan sebuah negara. Kadar nafkah anak yang sedemikian itu dikara berdasarkan makanan, lauk pauk, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan (jika kanak-kanak itu masih lagi menyusu)."

Di dalam kes ini, Hakim telah memerintahkan pihak Defendan membayar nafkah anak sebanyak RM 300.00 sebulan untuk dua orang anak mulai bulan Februari 1999. Suatu yang

menarik di dalam kes ini dan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak adalah berkaitan upah penyusuan yang termasuk di bawah tanggungjawab bapa.

**b) Pakaian.**

Pakaian juga termasuk sebagai salah satu keperluan asasi yang menjadi sebahagian daripada pentafsiran nafkah anak-anak. Terdapat beberapa kes yang menyatakan keperluan nafkah kepada anak-anak termasuk keperluan pakaian, antaranya kes *Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda* [ 1999 ] 13 (2) JH 159-184, *Sanisah bt Saad lwn Zulkifli b. Abd Ghani* [ 2002 ] 15 (2) JH 197-207 *Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn. Siti Sharidza bt. Mohd. Sidque* [ 2004 ] 18 (2) JH 269-277; dan banyak lagi kes-kes yang lain yang mengambil kira pakaian sebagai salah satu keperluan yang diambil kira sebagai keperluan nafkah.

**c) Perbelanjaan Persekolah**

Sekali lagi merujuk kepada kes *Wan Tam lwn Ismail* [ 1991 ] 8 (1) JH 55-57, Kadi Besar telah memutuskan antara lain, pihak Defendan diperintahkan membayar bayaran buku-buku sekolah mengikut senarai yang diberikan oleh sekolah. Di dalam kes permohonan mengubah perintah nafkah antara *Rohana bt. Zakaria lwn. Mokhtar b. Abdul Talib* [ 2009 ] 27 (2) JH 279-301, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban di dalam penghakimannya telah menyatakan :

“Apabila dua orang anak defendan telah memasuki alam persekolahan, sudah tentu akan berlaku perubahan dalam perbelanjaan harian anak-anak. Ini bermakna, telah wujudnya perubahan matan terhadap hal keadaan anak-anak tersebut. Keadaan ini tidak dinafikan oleh defendant. Bermakna isu pertama ini telah diselesaikan dan Mahkamah dapat memang telah wujudnya perubahan matan kepada hal keadaan anak-anak yang memerlukan kepada perubahan dari segi jumlah perbelanjaan.

Penghakiman ini menunjukkan bahawa, perubahan keperluan semasa apabila anak bersekolah perlu diambil kira bagi menentukan kadar nafkah anak-anak. Di dalam kes ini Hakim telah memerintahkan Defendan membayar nafkah terhadap dua orang anak, iaitu Amirul Asyraf bin Mokhtar dan Ammira Anisya binti Mokhtar sebanyak RM 300.00 sebulan, iaitu masing-masing berjumlah RM150.00 bagi setiap orang anak. Defendan juga diperintahkan menanggung perbelanjaan awal persekolahan anak-anak tersebut sebanyak RM 400.00 pada setiap awal persekolahan bagi kedua-dua orang anak tersebut.

Keadaan yang sama dapat dilihat dalam kes rayuan *Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn. Siti Sharidza bt. Mohd. Sidque* [ 2004 ] 18 (2) JH 269-277. Mahkamah merujuk kitab *I'aanah al-Talibin* yang menghuraikan hadis “Ambillah sekadar yang mencukupi untuk kamu dan anak kamu” sebagai wajib memberi makan kepada anak sekadar yang cukup kenyang bagi kesempurnaan hidup. Tidak wajib berlebih sangat atau sampai kepada kemewahan yang berlebihan. Selain daripada makan minum dan pakaian, nafkah termasuk juga perubatan, persekolahan dan lain-lain lagi.

Di dalam kes *Faridah Hanim bt Omar lwn Abd. Latif Ashaari* [ 2006 ] 22 (1) JH 27-45, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang telah memerintahkan pihak defendant membayar nafkah untuk tiga orang anak yang merangkumi nafkah harian, perbelanjaan buku dan tuisyen serta yuran pembelajaran.

Suatu yang perlu diakui bahawa pendidikan merupakan aspek penting yang menjadi aset kepada anak-anak terutama dalam menghadapi era globalisasi dan merupakan keperluan hidup. Hakikatnya jika tertinggal dari segi pendidikan maka nescaya akan sukar untuk menjalani kehidupan kerana kehendak dan keperluan memerlukan seseorang itu menguasai ilmu pengetahuan tidak kira dalam apa bidang sekalipun. Justeru, amat wajar nafkah dalam bentuk saraan pendidikan perlu diambil kira supaya masa depan anak-anak tidak terbiar dan melarat. Di dalam banyak kes yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakannya mengiktiraf bahawa perbelanjaan persekolahan sebagai sebahagian daripada nafkah.

**d) Perbelanjaan Perubatan**

Membayar kos perubatan anak juga telah dimasukkan sebagai salah satu keperluan yang perlu ditanggung oleh bapa. Seksyen 72 (1) Akta Undang Keluarga Islam ( Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah secara jelas menyatakan bahawa kos perubatan juga termasuk sebagai sebahagian nafkah. Di dalam kes *Hafizah Indra bt. Abdullah lwn Jamaluddin bin Eusoff*, [ 2006 ] 22 (1) JH 54, Hakim telah memerintahkan pihak Defendan membayar nafkah tiga anak berjumlah RM 500.00 mulai dari tarikh permohonan dibuat iaitu pada bulan Ogos 2001. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di dalam penghakimannya ada menyebut :

“Mahkamah seharusnya menerima keterangan ini kerana ibu yang menjaga anak tersebut adalah lebih arif tentang apa yang telah dibelanjakan oleh beliau. Dan semua orang tidak boleh menerima sekiranya perkara yang dijelaskan itu tidak munasabah. Ini disebabkan semua keperluan anak adalah termasuk pakaian, rumah kediaman dan perubatan anak-anak tersebut.”

Manakala di dalam kes *Azura bt Adna lwn Mohd. Zulkefli b. Salleh* [ 2001 ] 14 (2) JH 179-224, Hakim telah memasukkan tafsiran kadar nafkah merangkumi kos bagi mengadakan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupan bagi kedua-dua orang anak. Dalam kes ini kadar nafkah yang telah ditetapkan sebanyak RM 150.00 sebulan adalah merangkumi tempat tinggal, makanan, perubatan dan pelajaran. Begitu juga di dalam kes *Azizan b. Marzuki lwn Maherum bt Abdullah* [ 2002 ] 15 (1) JH 13-23. Permohonan mengubah perintah nafkah anak dari RM 1,000.00 kepada 600.00 sebulan bagi 4 orang anak telah diluluskan oleh mahkamah. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan dalam penghakimannya menjelaskan nafkah yang diberikan itu haruslah dapat menampung keperluan pokok bagi seseorang untuk meneruskan kehidupannya seperti keperluan untuk makan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan pelajaran. Sementara keperluan-keperluan yang lain pula boleh diberikan menurut keadaan dan tempat masing-masing.

**d) Perbelanjaan Menyambut Hari Raya.**

Di peringkat awal, terdapat penghakiman mahkamah yang menyatakan tuntutan perbelanjaan Hari Raya digugurkan kerana bukan nafkah. Ia boleh dilihat dalam kes *Wan Tam lwn Ismail* [1991] 8 (1) JH 55-57. Namun selepas tahun 1990-an perbelanjaan hari raya telah diambil kira sebagai sebahagian daripada nafkah. Dalam kes *Sri Utama Dewi Kasman lwn. Abu Bakar b. Abdullah* [ 2010 ] 30 (1) JH 111-129, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur telah memerintahkan responden membayar nafkah anak sebanyak RM 300.00 sebulan. Responden juga diperintahkan membayar perbelanjaan hari raya anak sebanyak RM 200.00 setahun mulai tahun 2005. Begitu juga di dalam kes *Rohana bt. Zakaria lwn. Mokhtar b. Abdul Talib* [ 2009 ] 27 (2) JH 279-301. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memerintahkan defendan menanggung perbelanjaan dan persiapan hari raya bagi kedua-dua orang anak sebanyak RM 400.00 pada setiap tahun.

Dalam kes *Faridah Hanim bt Omar lwn Abd. Latif Ashaari* [ 2006 ] 22 (1) JH 27-45 pula, YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang telah memerintahkan pihak defendant membayar perbelanjaan Hari Raya anak-anak sejumlah RM 1,000.00 setahun kepada pihak plaintif. Begitu juga di dalam kes *Roslaili bt Abd Ghani dan seorang yang lain lwn. Ahmad Azman b. Yaacob* [ 2006 ] 21 (1) JH 101-113. Di samping memerintahkan pembayaran nafkah harian sebanyak RM 300.00 sebulan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor juga telah memerintahkan Defendan agar bersedia memperuntukkan perbelanjaan persekolahan, perubatan dan keperluan perayaan bagi anak-anak tersebut mengikut keperluan dan apabila dimaklumkan.

Dalam kes-kes yang dianalisis di atas, jelas menunjukkan para Hakim menggunakan budibicara dan kebijaksanaan masing-masing dalam membuat keputusan. Hakim perlu melihat sama ada jumlah nafkah yang dipohon itu munasabah ataupun tidak dengan kemampuan bapa. Begitu juga dengan bentuk-bentuk nafkah yang dipohon sama ada ia termasuk dalam kategori nafkah utama ataupun nafkah-nafkah sampingan. Pada hakikatnya jumlah serta bentuk nafkah yang diperlukan oleh setiap kanak-kanak adalah berbeza. Justeru, setiap keputusan perlu dibuat teliti dan berhati-hati bagi menjamin keadilan kepada semua pihak terlibat.

### **Kesimpulan**

Analisa menunjukkan penetapan bentuk nafkah di dalam kes-kes yang telah diputuskan telah mengalami perubahan. Pada masa kini, nafkah yang biasa bagi anak telah merangkumi makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan perbelanjaan perayaan. Namun Hakim sentiasa menggunakan pendekatan berhemah sesuai dengan Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang. Asas pertimbangan utama di dalam menentukan kadar nafkah anak masih kekal sehingga kini iaitu kemampuan bapa dan keperluan anak-anak. Jika hanya merujuk kepada kemampuan bapa tanpa menilai keperluan anak-anak, dikhawatirkan akan berlaku zalim kepada anak-anak. Begitu juga sebaliknya, jika hanya merujuk kepada keperluan anak tanpa melihat kemampuan bapa nescaya akan menyebabkan kesusahan kepada bapa. Oleh itu, semua aspek perlu diteliti dan dijadikan panduan supaya kadar dan bentuk nafkah yang diluluskan sesuai dengan kemampuan bapa dan keperluan anak mengikut keadaan semasa.

### **Penghargaan:**

Setinggi-tinggi penghargaan untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyediakan dana penyelidikan FRGS/1/2016/SSI03/UKM/02/4.

### **Rujukan**

- Akta Undang-undang Keluarga Islam ( Wilayah-wilayah Persekutuan ) 1984  
al-Bahūtiy, Mānsūr ibn Yūnus. 1997M/1418H. *Kashshaf al-Iqnā' c̄an Matn al-'Iqnā'*. Juz 5. Beirūt : Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.  
al-Bukhāri, al-Imām Abī `Abdillah Muḥammad ibn Ismā`il bin Ibrāhīm ibn al-Mughīrah bin Bardizbah. 1994M/1414H. *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Juz 3 dan 7. Beirūt : Dār al-Fikr.  
Hartini Saripan. 2004. Can Burden of Proof In Maintenance Cases Be Shifted? A Brief Analysis On The Malaysian Position. Dlm. Zaleha Kamaruddin ( Editor ). *Islamic Family Law : New Challenges In The 21<sup>st</sup> Century*, Vol. II hlm. 217-232. Kuala Lumpur : Research Centre International Islamic Universiti Malaysia ( IIUM ).  
al-Jaziriy, `Abd al-Rahman. 1990. *Kitab al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arbā'ah*. Juz 4. Beirut : Dār al-Fikr.  
al-Kāhlāwī, Ablah Muḥammad. 1424H/2005M. *al-Bunūwwah wa al-'Ubūwwah fi ḥaw' al-Quran al-Karīm wa al-Sunnah*. Beirut : Dār al-Ma`rifah.  
al-Kāsānīy, `Alā al-Dīn bin Abū Bakr bin Mas'ūd. 1982. *Badā'i` al-Ṣanā'i` fi Tartīb Sharā'i`*. Juz 4. Beirūt : Dār al-Kitāb al-`Arabiyy.  
Kes Azizan b. Marzuki lwn Maharam bt Abdullah [ 2002 ] 15 (1) JH 13-23  
Kes Azura bt Adna lwn Mohd. Zulkefli b. Salleh [ 2001 ] 14 (2) JH 179-224  
Kes Faridah Hanim bt Omar lwn Abd. Latif Ashaari [ 2006 ] 22 (1) JH 27-45  
Kes Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda [ 1999 ] 13 (2) JH 159-184  
Kes Hafizah Indra bt. Abdullah lwn Jamaluddin bin Eusoff, [ 2006 ] 22 (1) JH 54  
Kes Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn. Siti Sharidza bt. Mohd. Sidque [ 2004 ] 18 (2) JH 269-277  
Kes Rohana bt. Zakaria lwn. Mokhtar b. Abdul Talib [ 2009 ] 27 (2) JH 279-301  
Kes Rokiah lwn Abdul Aziz [ 1988 ] 4 (1) JH 156-164

Kes Roslaili bt Abd Ghani dan seorang yang lain lwn. Ahmad Azman b. Yaacob [ 2006 ] 21 (1) JH 101-113

Kes Sanisah bt Saad lwn Zulkifli b. Abd Ghani [ 2002 ] 15 (2) JH 197-207

Kes Sri Utama Dewi Kasman lwn. Abu Bakar b. Abdullah [ 2010 ] 30 (1) JH 111-129

Kes Wan Tam lwn Ismail [ 1991 ] 8 (1) JH 55-57

al-Khin, Muṣṭafā , al-Bughā, Muṣṭafa, al-Syarbajiyy, cAli. 1998M/1419H *al-Fiqh al-Manhajī ḥalā Madḥhab al-Imām al-Syāfi‘iyy : ‘Aḥkām al-‘Usrah wa Muḥaqātuhā al-‘Ahwālu al-Shakhsiyah, al-Waqf wa al-Wasiyat, wa al-Farā‘id*. Juz. 2 , cetakan ke 3. Beirūt : Dār al-Qalam, Damshik dan Dār al-Syāmiyyah, hlm. 162-163.

Muslim ibn al-Hajjaj, Sahih. Dlm. Al-Nawawi. 1414H/1994. *Sharh Sahih Muslim*, Kitab ( k ) 12, bab ( b ) 12. Beirut : Dar al-Khayr. no hadis 995

al-Nawawiy, al-Imām Abī Zakariyyā Mahyu al-Dīn Yaḥyā bin Sharf. 1417H/1996M. *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Juz 19. Beirūt : Dār al-Fikr.

Nik Noriani Nik Badli Shah. 1994. *Undang-undang Keluarga : Nafkah dan Hak Kewangan Lain*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Tirmidhi, Muhammad ibn cIsa, Jami<sup>c</sup> al-Tirmidhi. Dlm. Al-Mubarakpuri. 1410H/ 1990M. *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami<sup>c</sup> al-Tirmidhi*. (أبواب البر والصلة). (b)42. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. no hadis 2032

al-Zuhayliy, Wahbah. 2004M/1425H. *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*. Juz 10. Damshik : Dār al-Fikr.